

Jurnal Ilmu Kemanusian dan Sains Kemasyarakatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

AKADEMIKA

Journal of Humanities and Social Sciences
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bilangan <i>Number</i>	Kandungan <i>Contents</i>	Januari <i>January</i>	1984
24			
Persoalan Ahli-ahli Sains Sosial Kini			3
Ketidakseimbangan Kawasan dan Penempatan Industri di Semenanjung Malaysia: Satu Analisis			7
Anuwar Ali			
Kawasan Perdagangan Bebas di Melaka: Satu Tinjauan Ringkas			27
Ishak Shari & Tok Kin Woon			
Tinjauan Antropologi Terhadap Institusi <i>Ngayau</i> (Suatu Perbandingan antara Novel dan Rekod Etnografi)			59
Awang Hasmadi Awang Mois			
A Preliminary Survey of Oral Traditions as Historical Source in the Study of Negeri Sembilan			83
Nadzan Haron			
Ethnicity or Social Class: An Analysis of Equality and Integration Attitudinal Scales among Malaysians			97
Mohammad Haji-Yusuf			

PERSOALAN AHLI-AHLI SAINS SOSIAL KINI

Walaupun pengajian falsafah telah berkembang dan kukuh kedudukannya buat sekian lama, iaitu sejak zaman sebelum masih, dan asas pemikiran dalam berbagai cabang ilmu sains sosial juga dikatakan telah kukuh, tetapi berbagai pertanyaan dan soalan yang bersifat *penetrating* mula ditimbulkan pada kurun keduapuluh. Soalan dan pertanyaan itu semakin berkembang luas sejak 1960 apabila ternyata bahawa sains sosial sedang menghadapi krisis besar. Malah ada penulis (seperti Gouldner) yang berpendapat bahawa perkembangan sains sosial di barat kini sedang berada di persimpangan jalan.

Bernstein, misalnya, berpendapat bahawa krisis yang melanda sains sosial itu adalah akibat daripada kritikan tajam oleh beberapa orang tokoh (dari dalam) terhadap aliran dan trend pemikiran yang kelihatan luas diamalkan oleh kebanyakan ahli sains sosial. Mereka (yang menganggap mewakili golongan progresif) merasa amat tidak senang dengan sikap yang diambil oleh kebanyakan ahli sains sosial itu yang membenarkan disiplin mereka dijadikan sebagai tempat berselindung oleh orang-orang tertentu sehingga akhirnya jelas ternyata bahawa teori-teori yang diperkembangkan dalam disiplin sains sosial itu membayangkan suatu bentuk ideologi yang menyokong *status quo*.

Justeru itu golongan progresif tersebut berpendapat bahawa walaupun kini terdapat dakwaan mengenai kemampuan sains sosial untuk meningkat ke arah pembentukan asas kajian empiris yang kukuh tetapi kedudukan disiplin ini yang sebenarnya adalah semakin lama semakin tidak mampu memberikan pemikiran dan perspektif yang kritis terhadap sesuatu perkara yang berlaku dalam masyarakat setiap hari. Mereka mengatakan asas utama disiplin telah reput dan bobrok. Pemikiran yang wujud kelihatan sentiasa memberikan *false legitimacy* terhadap sesuatu pemanipulasi dan pengawalan teknik sosial. Keadaan demikian sesungguhnya mempunyai kesan dan makna besar dalam semua aspek kehidupan manusia. Lantaran itu semakin hari semakin banyak perbicaraan yang memberikan berbagai pandangan atau cadangan alternatif. Malah ramai juga yang mula mempersoal semula dasar dan asas epistemologinya. Marxisme yang

telah sekian lama dibangkang dan dianggap merbahaya kini semakin mendapat nafas dan nyawa baru di kalangan beberapa orang intelek yang *committed* dan berpengaruh terhadap perkembangan masyarakat diseluruh dunia.

Perdekatan dan polemik falsafah dan teori yang meluas di kalangan ahli-ahli sains sosial pada dekad enam-puluhan tidak terhad semata-mata mengenai isu akademik, tetapi polemik itu mencerminkan sikap mereka terhadap seluruh isu kehidupan manusia yang lebih luas dan mendalam sifatnya.

Bagaimana keadaan dan kedudukan ahli-ahli sains sosial pada dekad tujuh-puluhan dan lapan-puluhan? Tentunya perkembangan yang berlaku sebelumnya itu mempunyai makna tertentu dalam pembentukan idea pada zaman yang berikutnya. Kita sendiri boleh perhatikan dan baca tulisan-tulisan mereka itu yang termuat dalam berbagai jurnal dan terbitan-terbitan lain di seluruh dunia. Antara lain muncul beberapa tokoh yang cuba memberikan tafsiran dari sudut Islam.

Satu soalan yang mungkin menarik, dalam konteks kontroversi kerelevan teori yang berkembang dan diperkembangkan itu, ialah apakah terdapat perbezaan sikap, pendirian dan konseptualisasi di antara ahli sains sosial di dunia utara (yang diwakili oleh negara-negara maju) dengan mereka yang mempunyai tanah tumpah darah di dunia selatan (yang dikatakan negara sedang membangun)? Sejauh manakah teori sains sosial yang diperkembangkan di negara-negara selatan dapat membantu menyelesaikan masalah hidup sehari-hari?

Kalau kita ambil contoh tentang perkembangan ilmu sains sosial yang kini besar bilangan pelajarnya di beberapa buah institusi pengajian tinggi di negara ini, tentu dapat kita bayangkan jawapan kepada soalan di atas itu.

Lihat sahaja keadaan yang berlaku setiap hari (dalam mana-mana situasi sekalipun) di negara ini, tentu boleh kita membuat penilaian tentang bukan sahaja banyak dan luasnya penekanan diberikan kepada usaha memahami perkembangan teori dan falsafah tetapi juga kerelevan jenis teori dan falsafah yang diperkembangkan. Sekiranya Socrates, Plato dan Aristotle masih hidup dan melawat ke negara ini dan melihat status perkembangan teori dan falsafah sains sosial itu tentu mereka akan menangis kesedihan. Kalau tokoh-tokoh lain seperti Charles Wright Mills dan Richard Bernstein mengetahui hal kita di sini pun akan meratapinya dalam nada yang seperti itu juga. Apakah kita tidak mahu memikirkan mengapa tokoh-tokoh itu memberikan reaksi demikian? Apakah kita sanggup mengorbankan kebenaran demi mencari kebahagian yang diasaskan kepada kenyataan yang penuh kepaluan dengan mengenepikan teori yang diketahuinya relevan?

Apakah mereka itu telah lupa pada sejarah yang pernah dilalui oleh pendokong-pendokong *The Frankfurt School*? Apakah mereka itu juga telah lupa tentang pentingnya asas falsafah, teori dan konsep ilmu sains sosial yang relevan dengan pembangunan? Apakah mereka berfikir bahawa ahli sains sosial yang berjaya itu semestinya terdiri daripada pelajar *conventional* yang hanya terkenal sebagai ahli *craftsman* sahaja, tanpa mereka itu berkemampuan menghidupkan data empiris yang ditaklukinya dalam suasana masyarakat yang berkembang dan menghadapi berbagai masalah di negara ini? Semua soalan yang dikemukakan ini tentunya menjadi penting sekiranya ahli-ahli sains sosial di negara ini, dan negara-negara lain di selatan, terutamanya mereka yang berpusat di Universiti, muhu menghayati peranan yang seharusnya mereka dokong sepanjang zaman. Sesungguhnya ahli-ahli sains sosial kini, terutamanya mereka yang berpusat di selatan, menghadapi cabaran besar.

30hb Jun 1984
Hairi Abdullah

